

MESYUARAT AGUNG PERWAKILAN PGGMB KALI KE-70/2019-2020
25 MUHARRAM 1442/13 SEPTEMBER 2020
TEKS UCAPAN YANG DIPERTUA PGGMB

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ
السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ
وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى أَشْرَفِ الْأَنْبِيَاءِ وَالْمُرْسَلِينَ
سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ

رَبِّ اشْرَحْ لِي صَدْرِي وَيَسِّرْ لِي أَمْرِي وَاحْلُلْ عُقْدَةً مِنْ لِسَانِي يَفْقَهُوا قَوْلِي

Yang Berhormat, Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia (Dr) Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong, Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, Negara Brunei Darussalam.

Yang Mulia Pmk. Timbalan Setiausaha Tetap, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, Negara Brunei Darussalam.

Yang Mulia Pengiran-pengiran, Yang Dimuliakan Pehin-pehin, Yang Mulia Dato-Dato, Datin-Datin, Ahli-ahli JKTT dan JKT PGGMB, Para Jemputan Khas, Para Perwakilan, Tuan-tuan, Puan-puan, Hadirin hadirat yang dimuliakan.

Alhamdulillah, kita panjatkan rasa syukur kehadiran Allah Subhanahu Wata'ala kerana dengan izin, limpah rahmat dan hidayah-Nya jua, sekali lagi kita semua dapat berkumpul beramai-ramai di majlis Mesyuarat Agung Perwakilan PGGMB dalam dewan yang penuh keceriaan pada pagi ini.

Terlebih dahulu Peramba/kaola/saya selaku Pengerusi Majlis serta mewakili Jawatankuasa Tertinggi PGGMB dan seluruh warga PGGMB mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada Yang Berhormat Pehin untuk sudi hadir selaku Tetamu Kehormat di majlis ini bagi sama-sama menyemarakkan lagi Majlis dan seterusnya nanti merasmikan Mesyuarat Agung perwakilan PGGMB kali ke-70 sesi 2019-2020.

YB Pehin para hadirin dan hadirat yang dihormati,

Tahun ini adalah merupakan tahun pertama peramba/kaola/saya memimpin PGGMB, salah sebuah persatuan yang tertua di negara kita. Persatuan yang tersohor dan terulung di rantau nusantara, digalati oleh kawan serta lawan, mempunyai sejarah gemilang, legasi pentadbiran yang cemerlang dan ahli-ahli nya pula terdiri dari para sejarawan, cendikiawan, intelektual, pentadbir dari para guru yang penoh berwibawa. Setentunya menjadi cabaran yang berat bagi peramba/kaola/saya mentadbir PGGMB dengan “track record” yang sedia ada itu.

Alhamdulillah, para pemimpin terdahulu meninggalkan sebuah Perlembagaan yang lengkap dan peraturan serta garispandu yang komprehensif dalam mengendalikan urus tadbir yang terbaik (best practices) bagi PGGMB. Oleh kerana itu dengan penuh iltizam peramba/kaola/saya mengajak ahli-ahli JK Tertinggi(JKTT) dan JK Tadbir(JKT) memahami sedalam-dalamnya isi kandungan Perlembagaan serta patuh melaksanakannya dalam mentadbir PGGMB ini.

Takaduhong dari awal tahun ini kita hidup dalam norma baharu disebabkan pandemik coronavirus, tekurong, beparam dalam bilik hawa dingin maka kita pergunakan masa yang bernilai itu untuk membuat sedikit penyelidikan dalam usaha kita mempelajari tinta sejarah yang ditinggalkan oleh para pemimpin terdahulu. Kami perlu belajar selanjutnya menilai kecemerlangan dan jika ada kelemahan urus tadbir yang dilaksanakan oleh pentadbiran yang lalu sebagai garis panduan yang intelektual serta berguna sebelum bergerak ke hadapan memikirkan inisiatif-inisiatif baru yang boleh memberikan keberhasilan impak yang positif bagi PGGMB.

Pemimpin dan barisan pentadbir PGGMB ini akan bertukar ganti, boleh datang dan pergi, namun matalamat serta intipati perjuangan PGGMB mesti dipertahankan walau siapa pun yang menerajunya. Ingatlah, kegemilangan yang telah dan ingin kita capai tidak boleh diperjudikan. Semua ahli-ahli PGGMB perlu memberi sokongan padu jika ingin mimpi indah akan kecemerlangan PGGMB mahu diteruskan.

YB Pehin para hadirin dan hadirat yang disanjung,

Kurang dua dekad dari sekarang, PGGMB akan berusia 100 tahun. Jesteru pentadbiran PGGMB perlu menyediakan pelan strategik, visi dan misi yang jelas, perubahan minda yang progresif untuk menuju ke sana. Dengan persekitaran dunia semasa yang sentiasa berubah-ubah dan penuh cabaran ini, semua ahli perlu berkerjasama dalam menjayakan segala perancangan dan aktiviti yang berdaya saing bagi memperkasakan peranan PGGMB sebagai sebuah badan bukan kerajaan (NGO) yang terunggul di negara ini.

Usaha-usaha yang telah kita buat antara lain mengusulkan pindaan dalam Peruntukan Perlembagaan PGGMB Tahun 1996:

- i) Untuk menjadi ahli PGGMB mestilah berumur tidak lebih daripada lima puluh tahun,
- ii) bagi menghadkan tempoh perkhidmatan bagi ahli-ahli JKTT memegang jawatan-jawatan tersebut untuk dua musim berturut-turut sahaja. Rasional usul ini adalah untuk memberi ruang serta peluang yang luas bagi ahli-ahli yang berkemampuan, berketerampilan serta berwibawa untuk tampil maju ke hadapan menerajui PGGMB secara bergilir-gilir.

Kita juga menubuhkan satu jawatankuasa biro ekonomi yang akan menjadi “think-tank” untuk memajukan serta mempelbagaikan aktiviti-aktiviti ekonomi yang kreatif dan inovatif dalam usaha mengukuhkan pertumbuhan ekonomi PGGMB ketahap yang lebih tinggi. Laman Sesawang (website) PGGMB telah pun selesai dibina sebagai medium interaksi yang pantas,

cepat dan berkesan bagi menyalurkan maklumat terkini kepada semua ahli. PGGMB Daycare telah ditubuhkan di Blok A, Sekolah PGGMB Sungai Akar bagi menyediakan penjagaan kanak-kanak yang berusia 3 bulan sehingga 3 tahun.

Baru-baru ini PGGMB telah menjalin kerjasama dan menandatangani perjanjian persefahaman dengan Insurans Islam TAIB, Family Takaful Sdn Bhd, dalam usaha untuk menambah nilai serta menaiktaraf urus tadbir Syarikat Kerjasama Jimat Cermat dan Bantu-Membantu PGGMB disamping merealisasikan penggunaan sistem insurans yang berlandaskan Islam yang diredhai dan diberkati Allah SWT. Sedikit pindaan juga dicadangkan bagi Peraturan Undang-undang Syarikat Kerjasama Jimat Cermat dan Bantu Membantu. Diusulkan pembahagian dividen bagi syarikat ini sebanyak 1% untuk tahun 2019 tertakluk keputusan mesyuarat MAP nanti.

YB Pehin para hadirin dan hadirat yang dirahmati,

Sebagai sebuah persatuan yang sehingga hari ini mempunyai lebih 3000 anggota, PGGMB merupakan platform terbaik untuk mengukuhkan ukhuwah antara semua ahli. Kita bertukar-tukar fikiran, mengambil bahagian dalam program-program, melaksanakan aktiviti dalam suasana kebersamaan tanpa mengenal erti penat dan lelah, menjadikan segala kekuatan dan kelemahan pelaksanaan program dan aktiviti yang lalu sebagai tauladan dan sempadan. Kita perlu meningkatkan azam dan bekerja bersama-sama untuk memastikan amanah yang diletakkan di bahu kita ditunaikan dengan sebaik-baiknya, bebas dari sebarang kesilapan agar integriti dan kredibiliti PGGMB sentiasa dipandang tinggi oleh masyarakat. Kita juga semestinya bekerja dalam satu pasukan seperti “bagai aur dengan tebing” dan tidak akan sama sekali seperti “bagai enau dalam belukar, melepaskan pucuk masing-masing”. Tanpa kesepakatan dan usaha gigih semua pihak, tidak mungkin PGGMB dapat bergerak sepertimana sekarang.

Buah salak di dalam kantung
Kulitnya keras isinya kelat
Bulat air kerana pembedung
Bulat manusia kerana muafakat

Oleh itu, izinkan peramba/kaola/saya menyeru kepada semua ahli-ahli PGGMB agar bergenggam tangan, berganding bahu, bangun sederap, mara sepakat, menyingsing lengan menongkah arus cabaran yang mendatang, mengukuhkan tekad dan memantapkan komitmen demi menyempurnakan amanah yang diberi dengan jujur, ikhlas dan penuh kerelaan untuk mencari keredhaan Allah SWT jua.

Akhirnya, sekali lagi mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia (Dr.) Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong, Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri di atas kesudian Yang Berhormat Pehin dapat meluangkan masa untuk hadir selaku Tetamu Kehormat di majlis yang penuh gemilang ini.

Diucapkan juga terima kasih atas kehadiran Jemputan-jemputan khas, Para perwakilan, Cikgu-cikgu, dan para hadirin dan hadirat sekalian.

Kepada barisan Ahli Jawatankuasa Majlis, Jabatan Radio dan Televisyen Brunei, Jabatan Penerangan Brunei serta wakil-wakil media tempatan diucapkan jutaan terima kasih kerana telah berusaha keras serta gigih bagi memastikan kesempurnaan dan kelancaran aturcara majlis pada hari ini.

Akar keladi melilit selasih,
Selasih tumbuh tepi jambangan;
Kalungan budi junjungan kasih,
Mesra kenangan sepanjang zaman.

Sebelum mengundur diri, dengan rendah hati peramba/kaola/saya memohon maaf sebanyak-banyaknya sekiranya terdapat sorok langkah yang kurang manis dan sebarang kekurangan dalam pengendalian aturcara majlis pada pagi ini. Marilah kita sama-sama mengangkat tangan, memohon doa kepada Ilahi untuk memberi keampunan serta rahmat kepada para ahli PGGMB yang terlebih dahulu meninggalkan kita, mudah-mudahan Allah SWT menjadikan kubur-kubur mereka salah satu daripada taman-taman syurga, luas saujana memandang serta dihiasi cahaya gemerlapan.

Bacaan AlFatihah ke hadrat Nabi Pilihan, Saiyidina Muhammad SAW dan ahli keluarga serta para sahabat baginda. Khusus kepada arwah pemimpin dan ahli-ahli PGGMB dan arwah kaum muslimin dan muslimat, mukninin dan mukminat sekalian. AlFatihah.

Sekian, Wabillahit Taufiq Wal Hidayah Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

Terima kasih.